

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 4 TAHUN 1977

SEMAKAN / KENAIKAN HASIL TANAH DALAM BANDAR KOTA BHARU DAN BACHOK

Satu masa dahulu MMK yang bersidang pada 28.6.66 selepas menimbang Kertas Bil.19/502/66 II telah membuat keputusan sebagai dasar bahawa semua tanah-tanah dalam Bandar Kota Bharu apabila diangkat untuk mendapat kelulusan MMK di bawah Sek 13A Undang-undang Rizab Melayu 1930 dan/atau sek 104 Undang-undang Tanah Kelantan 1938 maka hasil tahunan hendaklah dinaikkan supaya dikenakan atas kadar-kadar berikut:-

- (a) bagi tanah Lot Perniagaan : dikenakan sebanyak \$8.00
bagi tiap-tiap 100 k.p
- (b) bagi tanah Perusahaan : dikenakan sebanyak
\$10.00 bagi tiap-tiap
100 k.p

2. Bagi tanah-tanah Bandar Bachok pula MMK dalam sidang yang sama telah menetapkan semakan hasilnya seperti beriku t:-

- (a) bagi tanah untuk perumahan ialah seperti dalam Peraturan Tanah.
- (b) Bagi tanah untuk perniagaan dikenakan sebanyak \$2.00 bagi tiap-tiap 1,000.00k.p dengan syarat tidak kurang daripada \$5.00 satu lot.

- (c) Bagi tanah Perusahaan dikenakan sebanyak \$3.00 bagi tiap-tiap 1000 k.p dengan syarat tidak kurang daripada \$10.00 satu lot.

Kedua-dua dasar yang di atas telah diberitahu kepada semua PHT melalui penganjuran PTG Bil.7/1966.

3. Dalam mesyuarat pada 26hb Februari 1971 pula MMK telah menimbang Kertas Bil.23/860/71 III (6) dan telah meluluskan bahawa kenaikan hasil bagi tanah perniagaan kepada \$8.00 bagi tiap-tiap 100 k.p itu ialah pindaan tanah manakala bagi gadaian (termasuk cagaran atau lien) pula kenaikan hasil itu dikenakan selama masa tanah itu dalam tempoh gadaian itu sahaja. Apabila gadaian (atau lien) itu dilepaskan, maka hasil tahunan bagi tanah itu hendaklah diturunkan semula kepada kadar yang terjadual di dalam Kaedah Tanah Kelantan. Perubahan dasar ini telah diberitahu kepada semua PHT melalui Penganjuran PTG.Bil.6/1971.

4. Bagi tanah perusahaan pula, MMK yang bersidang pada 27hb Jun, 1971 setelah menimbang kertas Bil.14/594/71III(2) telah membuat keputusan sebagai dasar iaitu sebarang perkiraan di atas tanah perusahaan yang memerlukan kelulusan di bawah sek.13A Undang-undang Rizab Melayu 1930 tidak akan dikenakan sebarang kenaikan hasil lagi. Keputusan-keputusan MMK yang telah dibuat dalam tahun 1966 berkenaan dengan tanah perusahaan itu dibatalkan.(lihat penganjuran PTG Bil.6/1971)

5. MMK yang bersidang pada 1.3.1977 telah meneliti dan menyemak balik dasar-dasar tersebut di atas bagaimana kertas MMK Bil.4/230/77 (70) dan membuat keputusan sebagai dasar bahawa semakan/ kenaikan hasil tanah bagaimana dalam penganjuran PTG 7/1966 dan 6/1971 hendaklah dibatalkan mulai dari 1.3.1977.

6. Mana-mana hasil tanah yang telah dipinda atau disemak mengikut dasar yang lepas hendaklah dikekalkan dan rayuan- rayuan tidak akan diberi pertimbangan.

t.t
(Mohd. Tajol Aros bin Ahmad)
Pengarah Tanah Dan Galian,
Kelantan

KEPADA:

Semua Ketua-ketua Jajahan dan Penolong Ketua Jajahan 1,
dalam Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

Y.B Dato'Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

Pengarah Ukur Kelantan.

Juru Odit Negeri Kelantan.

Pengarah LKTN Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN.**

KOTA BHARU: 20HB.MAC,1977.

FAIL: PTG(KN) Sulit 8/65/(58)